

Malaysia makmur dibawah kepimpinan Dr. Mahathir — Seong Moo

UM 10 SEP 2002

KUALA LUMPUR 9 Sept — Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, telah mencapai tahap pendemokrasian politik, sosial dan ekonomi yang amat membanggakan.

Timbalan Pesuruhjaya Suruhanjaya Pilihan Raya Chollabuk-do, Korea Selatan, Kim Seong Moo berkata, amalan itu telah mewujudkan sistem demokrasi yang subur dan dikagumi di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, kewibawaan barisan kepimpinan negara menyatupadukan rakyat berbilang kaum melalui perkongsi kuasa antara parti politik, diiktiraf sebagai faktor utama pembangunan serta kemakmuran Malaysia.

Bagi sesetengah negara, katanya, termasuk Korea yang mempunyai masyarakat satu bangsa, dasar perpaduannya masih juga menghadapi masalah.

"Kita ingin mengucapkan tahniah kepada kepimpinan yang berjaya mengamalkan dasar perpaduan di negara ini," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian melalui juru bahasanya, Quein Nam selepas mengetuai delegasi kunjungan hormat ke atas Pergerakan Pemuda UMNO.

Seong Moo serta lima lagi ahli delegasi berkenaan disambut oleh Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO, Zulkifli Alwi bersama beberapa ahli exco Pemuda UMNO lain.

Kejayaan

Menurut Seong Moo, peranan yang dimainkan oleh kepimpinan parti politik amat penting dalam mencorakkan kejayaan sesebuah negara untuk mencapai kemajuan.

"Pada pandangan saya peranan parti politik mencerminkan pembangunan dan kemajuan yang berjaya dicapai oleh sesebuah negara," jelasnya.

Dalam pertemuan itu, Zulkifli berkata, Seong Moo melahirkan rasa kagumnya terhadap langkah Malaysia menangani krisis ekonomi Asia pada tahun 1997 tanpa mendapatkan bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau berkata, Seong Moo juga diberi taklimat mengenai latar belakang UMNO dan sistem perjalanan dan penguurusan pilihan raya di negara ini.

"Kita juga memberi taklimat mengenai perjalanan parti, proses pemilihan parti, latar belakang, misi dan matlamat UMNO," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Pemuda UMNO bersetuju untuk menghantar satu delegasi diketuai oleh ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein ke Korea Selatan pada 25 September hingga 2 Oktober ini.

Zulkifli berkata, delegasi itu akan mengadakan kunjungan hormat ke atas beberapa pemimpin negara itu termasuk para pelajar Malaysia dan kelab UMNO di negara itu.

Katanya, kunjungan yang dianggotai oleh lima exco Pemuda itu juga adalah sempena sukan Asia di Pusan, Korea Selatan.